

Hong Leong Medi Saver
 (Ini adalah Produk Insurans)
 Medical Plan
Pelan Perubatan

Insured Lives <i>Hayat-hayat yang Diinsuraskan</i>	Name <i>Nama</i>	Date of Birth <i>Tarikh Harijadi</i>	Age (Last Birthday) <i>Umur (Harijadi Lepas)</i>	Gender <i>Jantina</i>	Smoker <i>Perokok</i>
Life Assured <i>Hayat Diinsuraskan</i>					
Policy Owner <i>Pemunya Polisi</i>					

Notes: This Policy is subjected to 6% Service Tax. The Service Tax is subject to change by the authorities from time to time. The Company reserves the right to collect any outstanding amount due to change in Service Tax.

Nota: Polisi ini tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan. Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada perubahan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa. Syarikat berhak untuk mengumpul sebarang jumlah tertunggak disebabkan perubahan Cukai Perkhidmatan.

Basic Plan/ Rider <i>Pelan Asas/Rider</i>	Insured Lives <i>Hayat-hayat yang Diinsuraskan</i>	Sum Assured/Benefits <i>Jumlah Diinsuraskan/Faedah (RM)</i>	Coverage Period <i>Tempoh Perlindungan (Tahun)</i>	Premium Payment Period <i>Tempoh Bayaran Premium (Tahun)</i>	Initial Annualised Premium Payable Premium <i>Tahunan Awal Perlu Dibayar [1] (RM)</i>	Occupation Class <i>Kelas Pekerjaan</i>	Occupational Loading Premium Tambahan Berkanaan Pekerjaan (RM)	Health Loading Premium Tambahan Kesihatan (RM)	Service Tax Payable Cukai Perkhidmatan Perlu Dibayar (RM)
Hong Leong Medi Saver	Life Assured								

1 Please refer to the Annual Premium Rates table for the premium amount based on attained age.

1 Sila rujuk jadual Tahunan Kadar Premium untuk jumlah premium berdasarkan umur yang dicapai.

The projected insurance coverage detailed above is merely for illustrative purpose and not meant to confirm actual insurance coverage. Actual insurance coverage is subject to Hong Leong Assurance's prior approval, policies, terms and conditions. **All applications are subject to underwriting approval.** Perlindungan insurans yang ditunjukkan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan bukan bermaksud untuk menyatakan perlindungan insurans sebenar. Perlindungan insurans sebenar adalah tertakluk kepada kelulusan, polisi, terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Hong Leong Assurance. **Kesemua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan pengunderitan.**

Mode of Payment <i>Mod Bayaran</i>	Annually <i>Tahunan (RM)</i>	Semi-Annually <i>Setengah Tahunan (RM)</i>
Total Initial Premium Payable inclusive of Service Tax <i>Jumlah Premium Awal Perlu Dibayar Termasuk Cukai Perkhidmatan</i>		

"-" means that the premium payment frequency is not applicable.

"-" bermaksud frekuensi bayaran premium adalah tidak berkenaan.



PRODUCT DISCLOSURE SHEET	HONG LEONG ASSURANCE BERHAD
Baca Dokumen Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Hong Leong Medi Saver . Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	Hong Leong Medi Saver (Ini adalah Produk Insurans)
	<>Date>>

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah produk ini?

- Produk ini ialah pelan perubatan dengan pembaharuan terjamin sehingga umur 99 tahun dengan amaun penolakan bagi setiap hilang upaya. Pelan ini menawarkan opsyen penolakan RM5,000, RM10,000 dan RM15,000. Pelan ini boleh didapati sebagai pelan asas tradisional.
- Polisi ini menyediakan perbelanjaan penghospitalan & pembedahan, dan faedah rawatan pesakit luar ditanggung akibat penyakit yang dilindungi di bawah polisi ini.
- Pelan ini untuk perlindungan sahaja.

Penolakan bermaksud jumlah perbelanjaan yang layak, di mana pemegang polisi bertindak sebagai penanggung insurans sendiri /amaun yang ditanggung oleh pemegang polisi.

2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Polisi ini melindungi anda di bawah Pelan dengan jumlah penolakan sebanyak RM.

Skop Perlindungan	Jumlah Faedah bagi Pelan (RM)			
	MS 150	MS 200	MS 300	MS 400
Hospital & Pembedahan				
Bilik Hospital & Makan (sehari, sehingga 150 hari bagi mana-mana satu hilang upaya)	150	200	300	400
Tunai Harian bagi penghospitalan akibat kemalangan jalan raya di Lebuh raya di Malaysia (sehari, sehingga 150 hari bagi mana-mana satu hilang upaya)	150	200	300	400
Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan (sehari, sehingga 60 hari bagi mana-mana satu hilang upaya)	50	100	150	200

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

<i>Unit Rawatan Rapi (sehingga 75 hari bagi mana-mana satu hilang upaya)</i>				
<i>Perbelanjaan Penginap (sehingga 150 hari bagi mana-mana satu hilang upaya)</i>				
<i>Bekalan & khidmat Hospital</i>				
<i>Bayaran Pembedahan (termasuk pemeriksaan pra-pembedahan, lawatan Pakar dan penjagaan selepas Pembedahan sehingga 90 hari dari tarikh Pembedahan)</i>				
<i>Bayaran Pakar Bius</i>				
<i>Bilik Bedah</i>	<i>Bayaran Munasabah & Biasa Diamalkan^[1]</i>			
<i>Lawatan Pakar Perubatan dalam Hospital</i>				
<i>Yuran Rawatan Fisioterapi dalam Hospital</i>				
<i>Ujian Diagnostik Prahospital (dalam tempoh 90 hari sebelum penghospitalan)</i>				
<i>Rundingan Pakar Prahospital (dalam tempoh 90 hari sebelum penghospitalan)</i>				
<i>Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam tempoh 90 hari selepas keluar dari hospital)</i>				
<i>Transplant Organ</i>				
<i>Pembedahan Harian (termasuk pemeriksaan pra-pembedahan, lawatan Pakar dan penjagaan selepas Pembedahan sehingga 90 hari dari tarikh Pembedahan)</i>				
<i>Bayaran Ambulans</i>				
Faedah Rawatan Pesakit Luar				
<i>Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan Kecemasan (dalam tempoh 30 hari berikut rawatan kecemasan sedemikian)</i>				
<i>Rawatan Pergigian bagi Kemalangan dan Kecemasan</i>				
<i>Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar</i>	<i>Bayaran Munasabah & Biasa Diamalkan^[1]</i>			
<i>Rawatan Kanser Pesakit Luar (Termasuk perundungan doktor dan pemeriksaan yang berkaitan, makmal atau diagnostik atau mana-mana ubat yang ditetapkan)</i>				
<i>Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (Termasuk perundungan doktor dan pemeriksaan yang berkaitan, makmal atau diagnostik atau mana-mana ubat yang ditetapkan)</i>				
<i>Penjagaan Kejururawatan di rumah (sehari, sehingga 180 hari untuk sepanjang hayat)</i>	40	60	80	100
<i>Had Tahunan Keseluruhan (setiap Tahun polisi)</i>	75,000	120,000	180,000	240,000

^[1] Bayaran rawatan perubatan yang perlu dari segi perubatan, yang dianggap munasabah dan biasa diamalkan selagi bayaran itu tidak melebihi had biasa bayaran yang dibuat oleh pihak lain yang sama kedudukannya di tempat bayaran itu dikenakan, apabila memberikan rawatan, khidmat atau bekalan seumpamanya atau yang serupa kepada individu dengan jantina yang sama dan kategori umur yang sama untuk Sakit, Penyakit atau Kecederaan serta selaras dengan piawai dan amalan perubatan yang diterima dan tidak boleh diabaikan tanpa menjaskan keadaan perubatan Hayat yang Diinsuranskan.

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

<i>Had Tempoh Terkumpul</i>	495,000	960,000	1,440,000	1,920,000
<i>Perkhidmatan Bantuan Perubatan & Kecemasan (had setiap kejadian)</i>	150,000	150,000	150,000	150,000
<i>Penolakan Setiap Hilang Upaya</i>	<i>5,000 ATAU 10,000 ATAU 15,000 Bergantung pada opsyen yang dipilih</i>			

Faedah Tanpa Penolakan

Faedah-faedah berikut tidak akan tertakluk kepada penolakan:

- (a) Tunai Harian bagi penghospitalan akibat kemalangan jalan raya di Lebuh raya di Malaysia
- (b) Elaun Tunai Harian untuk setiap hari di Hospital Kerajaan
- (c) Rawatan Kanser Pesakit Luar
- (d) Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar
- (e) Perkhidmatan Bantuan Perubatan & Kecemasan

Tempoh perlindungan ialah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza mengikut pelan, opsyen penolakan, umur kemasukan, jantina dan kelas pekerjaan.
- Kadar premium terpakai untuk risiko standard. Syarat dan kadar premium mungkin berbeza mengikut keperluan penanggungjaminan.
 - Anggaran premium Awal yang perlu anda bayar: RM 603.62 (Tahunan)
 - Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pada awal tahun polisi: sehingga 99
- Premium berbeza sepanjang tempoh polisi mengikut umur anda. Sila rujuk jadual Tahunan Kadar Premium untuk jumlah premium berdasarkan umur yang dicapai.
- Kadar premium yang dikenakan bagi pelan ini tidak terjamin dan akan meningkat apabila anda mencapai umur dalam kumpulan umur berikutnya.
- Premium perlu dibayar sepanjang tempoh polisi. Pembaharuan polisi adalah terjamin setakat yang ditetapkan dalam Kontrak Polisi.
- Anda boleh membayar premium anda sama ada secara tahunan atau setengah tahunan.
- Tempoh Tangguh selama tiga puluh (30) hari dari tarikh genap tempoh akan diberikan untuk setiap pembayaran premium selepas yang pertama dan dalam tempoh ini Polisi ini kekal berkuatkuasa.
- Ia adalah penting untuk anda menerima dan simpan semua resit sebagai bukti bayaran premium.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Berikut ialah komisen yang dibayar daripada premium anda kepada kakitangan bankasurans:

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Tahun Polisi	Umur Tercapai (Tahun)	Premium Tahunan Perlu Dibayar (RM) ^[2]	Komisen yang ditanggung oleh anda dan dibayar daripada premium anda ^[3]	
			Kadar Premium yang Ditolak untuk Komisen (%)	Amaun Komisen Sebenar (RM)
1				
2				
3				
4				
5				
6				

Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 6% cukai perkhidmatan.

^[2] Tidak termasuk Cukai Perkhidmatan.

^[3] Komisen hanya dibayar atas premium sebelum Cukai Perkhidmatan.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda yang sebenar.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. Premium dan cukai yang berkenaan yang telah anda bayar (selepas menolak perbelanjaan perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh menunggu – kelayakan untuk faedah di bawah polisi ini hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh polisi berkuatkuasa.
- Melainkan diperbaharui, perlindungan akan tamat pada tarikh tamat tempoh dan syarikat insurans tidak akan bertanggung sebarang perbelanjaan yang timbul selepas tarikh tamat tempoh.
- Awak patut berasa puas hati bahawa polisi ini dapat memenuhi keperluan anda dan anda berupaya untuk menanggung bayaran premium polisi ini.
- Sila memahami kesan penukaran polisi dari satu penanggung insurans kepada yang lain, atau berpindah dari satu jenis pelan insurans kepada yang lain – sebagai contoh, anda mungkin tertakluk kepada terma dan syarat yang baru oleh polisi baru dan penanggung insurans baru.
- Terdapat peruntukan untuk penamaan dan penyerahan hak. Dimaklumkan bahawa penama perlu dilantik dan pastikan penama mengetahui tentang polisi yang anda beli.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi apa-apa Penghospitalan, Pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:

- Penyakit Pra-wujud.
- Penyakit yang ditetapkan yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan.
- Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama daripada tarikh penerbitan, tarikh pindaan efektif atau tarikh pengembalian semula, mengikut mana-mana yang terkemudian kecuali untuk Kecederaan akibat Kemalangan.
- AIDS atau Penyakit Berkaitan AIDS (ARC), Kehamilan, Keguguran, Membunuhan Diri, apa-apa Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantine oleh undang-undang.
- Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.
- Peperangan, Serangan, Tindakan perrusuhan oleh pihak musuh luar, Perang Saudara, penderhakaan tentera, keganasan.
- Pengionan, Sinaran, Pencemaran melalui keradioaktifan
- Keadaan mental tidak waras

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

- Menaiki kapal terbang sebagai anak kapal
- Rawatan perubatan yang disediakan di luar Malaysia kepada Hayat Diinsuranskan yang melancong atau menetap di luar Malaysia selama lebih daripada 90 hari berturut-turut.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Anda layak menerima amaun tertentu bagi bayaran balik premium selagi anda belum membuat tuntutan bagi polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda (termasuk butiran bagi penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Medical and Health Insurance', yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada kakitangan bankasurans.

If you have any enquiries, please contact us at:

Hong Leong Assurance Berhad
Level 3, Tower B, PJ City Development
No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya

Pengantara:

Hong Leong Bank Berhad
Level 19, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03 - 7650 1288

Fax: 03 - 7650 1299

Homepage: www.hla.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila rujuk kakitangan bankasurans untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

MAKLUMAN PENTING:

ANDA PATUT BERASA PUAS HATI BAHAWA POLISI INI DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PATUT MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK KETERANGAN YANG LANJUT

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Notis Penting kepada Bakal Pemilik Polisi

- Sebelum membeli sebarang produk Insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK), anda dinasihatkan untuk mendapatkan penerangan berikut daripada pihak syarikat atau perantaranya:
 - Ciri-ciri asas dan penting IPK secara umumnya: dan
 - Ciri-ciri asas dan penting produk IPK yang anda ingin beli.
- Objektif latihan ini adalah untuk memastikan bahawa anda memahami ciri-ciri asas dan penting produk IPK supaya anda dapat membuat keputusan yang berpengetahuan sebelum membeli produk ini.
- Anda harus memastikan bahawa maklumat penting berkenaan polisi didedahkan kepada anda dan anda memahami maklumat yang didedahkan. Sekiranya terdapat keraguan, sila dapatkan penerangan/ penjelasan daripada pihak syarikat atau perantaranya.
- Sebelum membuat sebarang keputusan untuk membeli sebarang polisi IPK, anda harus memastikan polisi ini akan memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium di bawah polisi ini.
- Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada contoh kontrak polisi untuk butir-butir penting pelan yang anda ingin beli.
- Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai asas-asas IPK, sila rujuk kepada risalah pendidikan pengguna "Pengenalan kepada Produk Insurans Perubatan dan Kesihatan" yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang boleh didapati di kebanyakan cawangan syarikat insurans.
- Sekiranya polisi ini telah dikeluarkan dan atas sebarang alasan dalam apa cara sekalipun anda memutuskan untuk tidak mengambil polisi ini, anda boleh memulangkan polisi kepada kami bagi pembatalan dengan syarat permohonan bagi pembatalan sedemikian diserahkan oleh anda kepada kami dalam masa 15 hari dari tarikh penghantaran polisi. Anda berhak untuk mendapat pengembalian premium penuh dan cukai yang berkenaan setelah menolak perbelanjaan perubatan yang mungkin ditanggung oleh kami semasa pengeluaran polisi.

Senarai Semakan

Senarai semakan ini adalah panduan kepada anda untuk mendapatkan penerangan mengenai ciri-ciri penting sesuatu pelan IPK supaya anda boleh membuat keputusan berpengetahuan sebelum membeli sesuatu polisi. Apabila terdapat keraguan atau di mana terdapat kekaburuan, anda adalah dinasihatkan supaya mendapatkan penjelasan/penerangan lanjut dari syarikat insurans atau kakitangan bankasurans anda.

- Buku risalah "Pengenalan kepada Produk Insurans Perubatan dan Kesihatan" yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai asas-asas IPK.
- Dokumen polisi untuk maklumat penting yang terperinci berkenaan dengan polisi yang dibeli.
- Tempat di mana butiran ciri-ciri penting boleh didapati.
- Faedah yang dibayar di bawah polisi ini.
- Pengecualian perubatan atau teknikal yang penting atau sekatan.
- Had-had ke atas faedah (contoh % kos yang dilindungi di bawah polisi, bayaran bersama, maksimum jumlah kos tuntutan dan pendeduksian)
- Jumlah premium yang akan dibayar dan tempoh pembayaran.
- Sifat dan setakat mana hak syarikat untuk menilai dan menyemak premium yang perlu dibayar dan notis yang akan diberikan oleh syarikat sekiranya terdapat sebarang penyemakan.
- Keadaan-keadaan pra-wujud, penyakit khusus dan tempoh kelayakan dan tempoh-tempoh yang berkenaan.
- Untuk polisi pembaharuuan tahunan, sama ada pembaharuuan polisi adalah terjamin.
- Keadaan-keadaan berkemungkinan yang akan menyebabkan senario-senario berikut semasa pembaharuuan polisi:
 - Sesuatu polisi yang diperbaharui dengan premium setara;
 - Sesuatu polisi yang diperbaharui dengan kadar premium yang dinaikkan; atau
 - Sesuatu polisi yang tidak diperbaharui.
- Implikasi kemungkinan akibat penukaran polisi dari satu syarikat insurans kepada yang lain atau pemindahan dari satu jenis pelan IPK kepada yang lain.
- "Tempoh Bertenang" selama 15 hari diberi untuk mempertimbangkan kesesuaian pelan IPK yang anda baru beli. Jika anda memulangkan produk ini kepada syarikat insurans dalam tempoh ini, premium penuh dan cukai yang berkenaan akan dikembalikan kepada pemunya polisi selepas menolak bayaran pemeriksaan perubatan.
- Hak syarikat insurans untuk menolak liabiliti sekiranya anda gagal mendedahkan maklumat relevan yang akan menjelaskan keputusan syarikat insurans untuk menerima atau menolak risiko, dan ke atas premium serta syarat yang akan dikenakan kepada anda.

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

Sebelum Anda Membeli Polisi	Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi	Semasa Tempoh Polisi
<p>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</p> <ul style="list-style-type: none">* Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.* Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda. <p>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</p> <ul style="list-style-type: none">* Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.* Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.	<p>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</p> <ul style="list-style-type: none">* Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.* Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.* Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan.* Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh beneficiari anda sekiranya berlaku kematian. <p>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</p> <ul style="list-style-type: none">* Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan.* Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.	<p>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</p> <ul style="list-style-type: none">* Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium. <p>Membantu Anda Membuat Tuntutan</p> <ul style="list-style-type: none">* Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad.

Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288 atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di customerservice@hla.hongleong.com.my.